

08 JAN 1998

KABINET LULUSKAN NEAC DAN KEANGGOTAANNYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Kabinet telah meluluskan pembentukan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) dan keanggotaan terperinci, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Kelulusan tersebut dibuat ketika mesyuarat mingguan Kabinet semalam.

Di pihak kerajaan, anggotanya terdiri daripada menteri-menteri yang memegang portfolio berkaitan perdagangan dan ekonomi, katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran Gerakan Pemantapan Keutuhan Dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia di Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah di sini.

"Setakat ini, kita hanya mempunyai anggota dari kabinet yang akan menjadi anggota (NEAC), tetapi yang lain seperti perwakilan daripada pelbagai pertubuhan, kami akan tentukan calonnya," katanya.

Beliau berkata senarai penuh anggota berkenaan akan diumumkan tidak lama lagi.

NEAC ditubuhkan oleh kerajaan untuk menangani krisis ekonomi semasa yang disebabkan oleh kejatuhan ketara nilai ringgit.

Sebelum ini telah diumumkan bahawa Majlis itu akan dipengerusikan oleh Dr Mahathir, manakala penasihat ekonomi kepada kerajaan, Tun Daim Zainuddin dilantik sebagai pengarah eksekutifnya.

Sementara itu apabila ditanya sama ada kerajaan berhasrat untuk mengawal dagangan tukaran asing setelah ringgit jatuh ke paras terendah baru-baru ini, Dr Mahathir berkata buat masa ini kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk mengawalinya.

"Kalau kita sebut akan adakan kawalan tukaran asing, ini akan menyebabkan hilangnya kepercayaan.

"Dan bila kepercayaan hilang, ini akan menyebabkan (kedudukan ringgit) lagi teruk," katanya.

Ringgit hari ini dibuka pada 4.5800 bagi setiap dolar Amerika berbanding dengan 4.5900 semalam. Semalam Bank Negara memasuki pasaran tukaran asing bagi memberikan sokongan terhadap ringgit.

Dr Mahathir berkata oleh kerana dagangan tukaran asing tidak boleh dikawal, Malaysian terpaksa menerima kesan daripada dangangan tukaran asing.

"Kita tak ada kuasa menententumkan nilai mata wang kita. Kuasa pasaran yang menentukannya," katanya.

"Kedudukannya kini sudah terbalik. Sekarang, pasaran mendisiplinkan kerajaan, bukannya kerajaan mendisiplinkan pasaran. Sekarang kerajaan-kerajaan di Asia Timur kena didisiplinkan," katanya. -- BERNAMA

JR MA